

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HFA 101 Pengantar Falsafah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **SEMBILAN (9) SOALAN** DI DALAM **DUA (2) HALAMAN**.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Anda mesti menjawab sekurang-kurangnya **SATU (1)** soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C dan **SATU (1)** lagi soalan daripada mana-mana bahagian.

Setiap bahagian mestilah diikat berasingan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**Bahagian A**

1. Sesuatu perbuatan itu adalah moral bukan kerana ia membawa faedah kepada diri kita, ataupun ia membawa kesan-kesan yang diingini. Sesuatu perbuatan itu dianggap moral jika ia dilakukan atas sebab nilai perbuatan itu sendiri (an action which is done for its own sake). Bincangkan.
2. Perbezaan antara fakta dan nilai adalah sesuatu yang amat penting dalam bidang etika. Kita harus sedar bahawa fakta-fakta mengenai moraliti (moral facts) tidak wujud dan penilaian moral tidak terdiri daripada pernyataan-pernyataan deskriptif. Penilaian moral lebih merupakan arahan (commands) atau mungkin pernyataan yang mengambarkan sikap kita. Bincangkan.
3. Emosi mempunyai peranan tertentu dalam moraliti dan emosi kita patut diambil kira untuk menentukan sama ada perbuatan kita betul atau pun tidak dari segi moral. Ini bererti moraliti bukan hanya melibatkan fakulti penaakulan kita. Bincangkan.

**Bahagian B**

4. “Atman dan Brahman adalah satu kesatuan (unity)”. Bincangkan pernyataan ini dari sudut pandangan aliran-aliran utama dalam falsafah Vedanta.
5. Ajaran Buddha yang berpusar di sekeliling masalah kesengsaraan dalam kehidupan manusia dan cara-cara bagaimana ianya boleh diatasi, lebih menekankan dan mementingkan aspek yang berkaitan dengan tindakan manusia dan persoalan moraliti daripada isu-isu metafizik. Bincangkan.
6. Nirvana hanya boleh diperolehi apabila semua keinginan manusia telah dihapuskan. Bagaimanakah nirvana boleh diperolehi tanpa mengingininya?

**Bahagian C**

7. Huraikan dengan kritis perhubungan beberapa komponan asas di dalam pemikiran falsafah Islam. Dengan merujuk kepada perhubungan tersebut, apakah kedudukan dan peranan epistemologi Islam menurut pendapat al-Ghazali.
8. “Persoalan manusia dan alam semesta merupakan salah satu tema pokok yang dominan diperkatakan oleh ahli falsafah Islam. Justeru manusia adalah manifestasi dan kombinasi daripada seluruh kejadian alam semesta.” Analisakan petikan di atas dengan merujuk kepada pandangan Ibn Rushd dan Ibn Sina.
9. Dengan menggunakan pendapat al-Farabi sebagai asas pemikiran anda, apakah pandangan beliau terhadap konsep ontologi dalam hubungannya dengan konsep aksiologi dalam konteks perhubungan dengan ketuhanan.

--oo000oo--